



# FESLAM 2008

## MEMARTABATKAN BUDAYA BANGSA

Pada 18 - 19 Januari 2008 yang lalu, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dengan kerjasama Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (MAKUM) dan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia (KeKKWa) telah menganjurkan Festival Lagu Asli MAKUM 2008 bertempat di universiti tersebut yang bertujuan untuk menggalakan mahasiswa seluruh IPTA aktif dalam penyertaan aktiviti kebudayaan melalui nyanyian lagu asli.

UniMAP telah menghantar seorang wakil iaitu Siti Nur Balqis untuk bertanding bagi Kategori Lagu Tradisional Kreatif dan di harap dapat bersama-sama membantu mengangkat martabat budaya tradisi menerusi lagu-lagu tradisional di kalangan mahasiswa sebagaimana saranan MAKUM.

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah muncul sebagai juara keseluruhan Festival Lagu Asli MAKUM (FESLAM) 2008 yang di adakan di USIM baru-baru ini. UKM telah di nobatkan sebagai juara keseluruhan apabila Fifi Amielia Shazlin Ahmad Nurshaidi peserta dari universiti tersebut mendapat Anugerah Persembahan Terbaik. Manakala johan bagi Kategori Lagu Asli di menangi oleh Yusmawira Mohd Yunos dari Universiti Teknologi Mara (UTM) dan peserta dari Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) mendapat johan bagi Kategori Lagu Tradisional Kreatif.

Penutup Festival Lagu Asli MAKUM 2008 telah dirasmikan oleh Senator Tan Sri Datuk Jins Shamsudin dan di dalam ucapannya beliau menyatakan, FESLAM mampu merealisasikan hasrat untuk melahirkan modal insan yang dapat mengenali bangsa. Tegas beliau lagi, FESLAM adalah sebagai sosial kontrak yang boleh diterjemahkan sebagai menghormati budaya di kalangan budaya lain. Turut berucap pada majlis tersebut ialah , Prof. Ir. Dr. Amir Hashim Mohd Kassim, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UTHM, merangkap Pengerusi MAKUM 2008.

Keseluruhan bagi FESLAM MAKUM 2008 berjaya mengumpul penyertaan 17 buah IPTA tempatan, ini menunjukkan komitmen dan usaha keras mahasiswa IPTA untuk mengangkat martabat budaya bangsa selari dengan tema FESLAM 2008 " Bersama Memperkasakan Budaya Tradisi".